

PEMIKIRAN ISLAM DALAM ‘AYN KARYA KEMALA

NURUL HILWANY CHE SHAFFINE

Universiti Putra Malaysia

nurulhilwany90@gmail.com

ABSTRAK

Artikel ini mengajukan perbincangan tentang puisi berunsur Islam yang menjadi kecenderungan pengarang dalam genre sastera Islam. Pemikiran Islam yang diutarakan pengarang dalam puisi berunsur Islam ini membuktikan bahawa puisi mampu mengungkapkan kebesaran, keagungan dan kekuasaan Allah SWT yang diadun dengan indah. Justeru, kajian yang melibatkan aspek akidah, syariat dan akhlak Islam yang terungkap dalam pemikiran pengarang ini berkait secara langsung dengan kehidupan umat Islam yang akur akan suruhan Allah SWT. Oleh itu, perbincangan terhadap pemikiran Islam dalam artikel ini merujuk ‘Ayn karya Kemala. Analisis himpunan puisi berkenaan memanfaatkan teori Takmilah. Kerangka ini berperanan sebagai pengukur nilai Islam dalam teks yang dikaji. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa ‘Ayn memperlihatkan kesedaran pengarang sebagai khalifah Allah SWT dalam membawa khalayak menjadi insan al-kamil dan sentiasa bertakwa dan beriman kepada Allah SWT.

Kata kunci: ‘Ayn; Kemala; pemikiran Islam; sastera Islam; Takmilah

ISLAMIC THOUGHTS IN ‘AYN BY KEMALA

ABSTRACT

This article discusses on related Islamic that is lack of focus in the field of Islamic literary criticism. In order to highlight Islamic poetries that are able to manifest the greatness of Allah SWT, the authors had brought up Islamic thoughts and ideas in the writings of these poetries. Studies that include three aspects of Islamic key principles: akidah, syariat and akhlaq have been found in most Islamic works; that could easily be portrayed as a call for the readers to follow ways in which to strengthen one’s belief in God specifically. Therefore, this paper discusses on the thoughts found in Islamic poetries by Kemala in his anthology of poetry entitled, ‘Ayn. Takmilah theory is applied in these poems. The theory is perceived to be apt in explicating the Islamic values resembled in these poems. The study found that ‘Ayn portrayed the sense of awareness on the aspect of being a responsible author that according to Islam as being the khalifah of Allah SWT. This is highly important as this would lead the readers to become al-kamil and to always be obedient and believe in Allah SWT.

Keywords: ‘Ayn; Kemala; Islamic thoughts; Islamic literature; Takmila

PENGENALAN

Seseorang pengarang yang mempunyai daya kreativiti, mampu membawa pembaharuan sekali gus melanggar konvensi supaya sesebuah karya itu menjadi signifikan dan lebih banyak menyaran lapisan makna falsafah pemikiran. Ia diperoleh melalui peristiwa dan permasalahan

yang berlaku dalam masyarakat, persekitaran, pengalaman, pemerhatian atau pembacaan. Melalui karya sastera, pembaca mampu mengesani dan menanggapi pemikiran yang hadir. Puisi, antara genre yang dapat mengungkap dan menyelitkan falsafah pemikiran yang sarat dengan nasihat dan pengajaran kepada masyarakat termasuk yang berunsur keagamaan.

Perbincangan ini akan mengenal pasti dan menganalisis aspek pemikiran Islam dalam kumpulan puisi ‘Ayn karya Ahmad Kamal Abdullah atau Kemala. Kumpulan ini mempunyai ketebalan sebanyak 106 halaman, diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2012. Ia mengandungi tiga bahagian; pertama ialah ‘Ayn, kedua Puisi Munajah untuk Ainin Akmar dan ketiga Lagu Cinta Ainal Adnin.

Kumpulan puisi ini dianalisis dengan menerapkan teori Takmilah janaan Shafie Abu Bakar. Tujuh prinsip Takmilah digembleng iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*, prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*, prinsip keislaman yang bersifat *Akmal*, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul*, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil* (Shafie Abu Bakar, 1996:27).

PERBINCANGAN

Puisi sering digarap sebagai salah satu alat penyalur falsafah manusia terutamanya dalam menyampaikan nasihat, panduan dan pedoman yang berguna untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Puisi menjadi aset penting sebagai ciptaan manusia yang mencerminkan kehidupan masyarakat dalam sesuatu zaman. Segala hasil pemikiran yang dilontar dan dilahirkan oleh penulis dalam satu-satu karya sastera turut diilhamkan oleh alam persekitaran dan juga keadaan masyarakat.

Menerusi hasil falsafah, Kemala sedaya upaya mungkin cuba menggarap beberapa aspek kehidupan sesuatu masyarakat untuk didedahkan kepada pembaca atau masyarakat umum sebagai teladan dan pedoman hidup. Melalui pandangan yang diberikan itu, dapat dijelaskan bahawa analisis yang ingin dikaji merupakan gugusan idea-idea pengarang yang disalurkan dalam sesebuah karya. Setelah dianalisis *Kumpulan Puisi ‘Ayn*, ditemui aspek keagamaan yang terdiri daripada tiga bahagian yang utama iaitu pemikiran dari segi akidah, syariat dan akhlak.

AKIDAH

Menurut PT Ichtiar Baru Van Hoeve (2002), “akidah secara harafiah bererti sesuatu yang terbuhul atau tersimpul secara erat atau kuat.” Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1994), akidah bermaksud “*ad-din*, iktikad, agama, kepercayaan, keyakinan, iman, pegangan, anutan.” Akidah menurut pandangan Hasan Albana (1981) ialah hal-hal yang berhubungan dengan kepercayaan dan keyakinan dalam hati sehingga hati dan jiwa itu menjadi tenteram tidak ragu dan tidak bimbang, bersih dan murni daripada segala was-was syak wasangka, suatu keyakinan yang kuat dan teguh menghayati seluruh aspek kehidupan dan amal ibadah kepada satu Zat Yang Maha Kuasa.”

Menurut Ramli Awang (2005), “perkataan akidah berasal daripada ungkapan bahasa Arab ‘aqada, ya’qidu, ’aqdan yang membawa makna simpulan atau ikatan”. Beliau turut menyatakan “akidah adalah suatu ikatan, simpulan yang kukuh lagi teguh dan tidak longgar atau terurai”. Menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2008), akidah bermaksud “satu ikatan atau simpulan yang diikat dengan kuat dan rapi”. Apabila akidah dipadankan dengan Islam, maka ia

membawa maksud “percaya dan beriman dengan bersungguh-sungguh supaya ia tersemat mantap di jiwa”. Melalui iman yang mantap, ia tidak mudah goyah walaupun apa jua cabaran yang mendarat. Namun, seseorang manusia yang betul-betul ingin mencapai tahap akidah yang sempurna akan mampu dapat menghindarkan diri daripada melakukan kesemua perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah mereka.

Al-Quran

Dari aspek pemikiran ini akan dijelaskan segala yang berkaitan dengan al-Quran iaitu keindahan, kandungan, kelebihan dan kebaikan yang akan diperoleh daripada al-Quran. Al-Quran yang diajarkan Nabi Muhammad SAW adalah wahyu atau firman daripada Allah SWT. Wahyu ini disampaikan kepadanya melalui perantaraan malaikat Jibril.

Pt Ichtiar Baru Van Hoeve (2002:19) menyatakan bahawa Allah SWT mewahyukan al-Quran pertama kali sebanyak lima ayat, iaitu lima ayat pertama surah *al-'Alaq*, ketika Nabi Muhammad SAW sedang bertafakur di Gua Hira, berdekatan dengan kota Mekah ketika baginda berumur 40 tahun. Menurut Pt Ichtiar Baru Van Hoeve (2002) lagi, ayat-ayat al-Quran yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW adalah secara berperingkat yang mengambil masa selama 22 tahun dan surah yang terakhir diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW ialah di padang Arafah, ketika Nabi Muhammad SAW sedang menunaikan ibadah haji iaitu tiga bulan menjelang hari baginda wafat.

Al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai panduan dan mukjizat kepada manusia. Ini selaras dengan kenyataan oleh Ismail Hamid (1990: 13) yang menyatakan bahawa al-Quran diturunkan oleh Allah SWT sebagai panduan tentang ajaran agama Islam dan juga sebagai mukjizat yang mencabar kewibawaan orang Arab dalam penggubahan karya-karya sastera.

Penyataan tersebut memperincikan pemikiran yang berkaitan dengan wahyu Allah SWT yang paling agung iaitu al-Quran. Al-Quran sangat penting dalam menyuluh dan memberi panduan kepada umat manusia untuk menuju ke jalan yang direndai-Nya dan berupaya menghalang manusia daripada terjebak dalam kancang dosa yang dibenci oleh Allah SWT. Dalam hal ini, pemikiran yang berhubung dengan kitab Allah SWT iaitu al-Quran diselitkan oleh Kemala dalam kumpulan puisinya yang bertajuk “Di Hadapan al-Quran”:

Selepas muqaddam

berapa kali air matamu titik

waktu membaca

ayat suci Ilahi?

Suara kecilmu sayu
kerdip mata, bersimpuh duduk
pada Maghrib muda. Tak selalu
aku tenang dengan rewanganmu
pertama Bismillah
awal tauhid ampuh
teguh dalam iman
di hadapan al-Quran.

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 3)

Kemala mengandaikan al-Quran sebagai nadi yang menggerakkan seluruh jiwa manusia.

Tanpa nadi, manusia tidak akan hidup untuk menjalani kehidupan sehari-hari. Begitulah dengan al-Quran kerana tanpa al-Quran, manusia tidak akan dapat meneruskan kehidupan untuk menuju ke jalan yang benar iaitu ke jalan yang direndai oleh-Nya. Al-Quran merupakan satu kitab yang perlu dipercayai oleh seluruh umat yang bergelar Muslim. Ini kerana, dalam al-Quran terkandung ajaran-ajaran yang amat berguna yang diwahyukan oleh Allah SWT untuk mengajak manusia supaya sentiasa beriman kepada-Nya. Kandungan al-Quran yang sangat indah juga mampu menginsafkan manusia bersandarkan kepada kisah-kisah dan pengalaman yang berlaku kepada kaum-kaum terdahulu yang tidak mengikut kehendak Allah SWT dan ditimpa bala musibah. Dengan kepercayaan kepada kitab-kitab Allah SWT, maka manusia akan beramal kepadanya sekali gus berupaya meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada pencipta-Nya.

Pemikiran ini ada kaitannya dengan prinsip yang pertama dalam teori Takmilah yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*. Kemala memaparkan tentang kepentingan al-Quran yang merupakan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT untuk dijadikan panduan dan rujukan oleh manusia dalam mengharungi kehidupan sehari-hari. Prinsip ini juga turut menjelaskan tentang sempadan Tauhid dan kesempurnaan sifat Allah SWT yang tercermin pada makhluknya. Hal ini dapat difahami apabila seseorang itu yang mempercayai wujudnya al-Quran dan beramal dengannya. Hal ini membuktikan kebesaran, keagungan serta kekuasaan Allah SWT yang bersifat *Jamal* dan *Kamal*. Ini jelas dapat dibuktikan menerusi beberapa petikan yang diambil dalam al-Quran seperti berikut:

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhan yang menciptakan.”

(Surah al-‘Alaq: 1)

Berdasarkan kepada ayat al-Quran ini, dapat dikatakan bahawa pemikiran ini amat bersesuaian dengan teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar yang terlihat pada prinsip yang pertama iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* dan *Jamal*.

Kepercayaan kepada Nabi dan Rasul

Menurut Abu'l-a'laa al-Mawdudiy dalam H. O. K. Rahmat (1975) menyatakan bahawa “adalah nabi itu suci fitrahnya, bersih tabiatnya”. Dalam setiap keadaan tidak dijalannya sesuatu jalan melainkan jalan kebenaran, kesucian dan kemuliaan. Ia tidak akan berkata atau berbuat sesuatu yang tidak sesuai dengan hak dan kebenaran. Ia menunjuki manusia kepada kebijaksanaan”. Menurut Ismail Kamus dan Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid (2009), nabi merupakan seorang lelaki yang merdeka dan mendapat wahyu daripada Allah tetapi tidak ditugaskan menyampaikan kepada orang lain. Manakala, rasul pula ialah seorang lelaki yang merdeka dan mendapat wahyu daripada Allah dan ditugaskan untuk menyampaikan kepada orang lain.

Rasul yang pertama yang diangkat oleh Allah SWT ialah Nabi Adam AS manakala nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT untuk segenap lapisan manusia di bumi ialah Nabi Muhammad SAW, nabi atau rasul yang lain ialah Idris, Nuh, Hud, Salleh, Ibrahim, Luth, Ismail, Ishaq, Ya'qub, Yusuf, Ayub, Syu'aib, Musa, Harun, Daud, Sulaiman, Yunus, Ilyas, Ilyasa, Zulkifli, Zakaria, Yahya dan Isa. Sebahagian besar para nabi dan rasul ini adalah daripada keturunan Bani Isra'il.

Nabi Muhammad SAW merupakan nabi yang terakhir sebagai pembawa ajaran agama Islam. Baginda merupakan seorang tokoh sejarah yang agung dalam sejarah kenabian Islam. Baginda sangat dihormati dan dikasihi oleh seluruh umat Islam kerana memiliki peribadi yang baik, keunggulan akhlaknya dan keunggulan kitab suci al-Quran yang diajarkan. Oleh kerana

memiliki peribadi yang jujur, Nabi Muhammad SAW digelar sebagai *al-Amin* yang bererti yang benar iaitu orang yang sangat dipercayai kerana kejujuran yang dimiliki.

Dengan melihat kepada peri pentingnya keimanan terhadap para nabi dan rasul pilihan Allah SWT, Kemala menggalas tanggungjawab ini dengan menyelit pemikiran akidah yang mengetengahkan tentang para nabi dan rasul. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran pengarang dalam mengangkat keimanannya terhadap rasul-rasul Allah SWT dicurahkan menerusi puisi yang dihasilkan. Dalam *Kumpulan Puisi ‘Ayn*, pemikiran akidah yang berkaitan dengan para nabi dan rasul dapat dilihat puisi yang bertajuk “Madinatul-Munawwarah” dan “‘Ayn”:

Kepada perlindungan Ilahi
Hijrah dari seribu berhala bisu
Sujud kepada Allah Satu
Dalam lindungan kalimah syahadah
Asyhaduallailahaillallah
Waasyhaduanna Muhammadarrasulullah
Kota Madinah menyambut Muhammad Rasulullah
Riang gembira dan syukur tertumpah
Marhaban marhaban ya nurulaini
Marhaban ya Rasulullahi Ahlan
Marhaban biwujudilmustafa Ahmad!

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 70)

Kusambut godaan-Mu.
Bertinta dalam mabuk laku. Apakah Kau
seperti **Musa** di Lembah Thuwa'? Tertiarp
Rindu. Berdegup kalbu. Menentang
wajah-Ku? Apakah Kau bagi **Ibrahim**, yakin
api itu dingin? Dan kebesaran Cinta
meminta korban leher **Ismail**. Benarkah
Cinta yang terukir cantik di kilauan kata lahir
mengalir di angin mendesir.
Mabuk di dalam zikir.

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 53)

Kemala cuba memaparkan pemikiran yang berkaitan dengan nabi dan rasul bagi peringatan dan mengekalkan tahap keimanan dalam diri setiap pembacanya. Kemala dengan ilmu yang ada tentang agama menyedari akan peranan dan tanggungjawabnya di muka bumi ini sebagai Khalifah Allah SWT. Justeru, Kemala bukan sahaja menyentuh tentang penghulu umat Islam iaitu Nabi Muhammad SAW-, malah turut menyentuh para nabi dan rasul yang lain iaitu Nabi Ismail AS, Nabi Musa AS dan Nabi Ibrahim AS. Ini kerana, nabi dan rasul merupakan pilihan Allah SWT untuk membimbing dan membawa manusia ke jalan yang benar seperti yang diterangkan dalam pengertian nabi dan rasul itu.

Menerusi pemikiran ini, dapat dijelaskan bahawa Kemala memenuhi prinsip yang kedua dalam teori Takmilah iaitu prinsip kerasulan yang bersifat *Kamil*. Sudah sedia maklum bahawa dalam prinsip kedua yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar, Nabi Muhammad SAW diambil sebagai model kerana jiwanya yang paling dekat dengan Allah SWT. Ini dapat dibuktikan menerusi penggunaan beberapa kata dalam rangkap berkenaan yang merujuk kepada Nabi Muhammad SAW yang digelar sebagai orang yang benar dan amanah. Dengan itu, dapat

dikatakan bahawa prinsip ini amat bersesuaian dengan prinsip kedua dalam teori Takmilah yang memperlihatkan sifat *Rabbani*, Khalifah dan *Kamil* pada Nabi Muhammad SAW menerusi contoh-contoh yang diperlihatkan.

Dua Kalimah Syahadah

Ungkapan dua kalimah syahadah ini merupakan asas kalimah akidah yang paling penting dalam Islam. Kalimah ini merupakan rukun pertama dalam rukun Islam yang perlu diucapkan dan diikrarkan dengan lidah oleh sesiapa sahaja yang ingin berakidah dengan akidah Islam. Namun, ikrar sahaja tidak memadai jika seseorang itu tidak membenarkan dalam hatinya tentang kebenaran Tuhan, kenabian dan ajaran yang dibawa oleh nabi, khususnya Nabi Muhammad SAW. Menurut Ismail Kamus dan Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid (2009), syahadah bererti penyaksian atau pengakuan seseorang terhadap sesuatu. Apabila seseorang itu mengucapkan syahadah bererti ia mengaku dengan lidahnya mengenai sesuatu perkara.

Dalam ungkapan dua kalimah syahadah, dapat bahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama yang disebut *Lailahaillallah* yang bermaksud menafikan tuhan-tuhan lain selain Allah SWT serta menyabit dan menetapkan Tuhan itu hanya Allah SWT yang Esa (Muhammad Hambal, t.th.: 9; Muhammad al-Ghaniman, 1985: 38/1; Hasan Al al-Shaikh, t.th.: 60). Makna *Lailahaillallah* menurut Muhammad Abu Zahrah (1989) pula membawa pengertian Tuhan Allah yang berhak disembah adalah Esa. Dalam hal ini, tiada sesuatu pun yang boleh disamakan dengan-Nya dan bersekutu dengan-Nya. Dia yang Esa yang menciptakan segala yang ada di langit dan di bumi.

Dalam bahagian kedua iaitu kalimah *Muhammadurrasulullah* yang membawa maksud Muhammad itu pesuruh Allah SWT, beriman kepada Rasulullah SAW yang diutus oleh Allah SWT dengan membenarkan apa sahaja yang dikhabarkan oleh baginda SAW, mentaati perintahnya dan meninggalkan tegahannya, serta beribadat kepada Allah SWT mengikut cara yang dilakukannya (Muhammad bin Hambal Zainu, t.th.: 12; Muhammad al-Ghaniman, 1985: 38/1).

Berdasarkan kepada pengertian ungkapan dua kalimah syahadah, dapat dijelaskan bahawa ungkapan kalimah syahadah amat penting untuk menjadikan seseorang manusia itu sempurna di sisi Allah SWT. Dengan bermulanya ucapan dua kalimah syahadah, maka seseorang Muslim itu perlu melakukan segala amalan yang baik yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan apa yang dilarang oleh-Nya. Dalam *Kumpulan Puisi 'Ayn* yang dianalisis kandungannya, terdapat pemikiran tentang dua kalimah syahadah yang dapat dilihat dalam rangkap puisi "Madinatul-Munawwarah" yang dihasilkan oleh Kemala:

Hijrah dari seribu berhala bisu
Sujud kepada Allah Satu
Dalam lindungan kalimah syahadah
Asyhaduallailahaillallah
Waasyhaduanna Muhammada Rasulullah
Kota Madinah menyambut Muhammad Rasulullah
Riang gembira dan syukur tertumpah
Marhaban marhaban ya nurulaini
Marhaban ya Rasulullahi Ahlan
Marhaban biwujudilmustafa Ahmad!

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 70)

Kemala memperlihatkan pemikiran tentang ungkapan dua kalimah syahadah yang dapat dikatakan satu konsep yang penting dalam kerangka akidah. Hal ini dapat dikuatkan lagi dengan kenyataan yang diberikan oleh Shamsudin Othman (2010) yang menyatakan bahawa penekanan ketauhidan ini merupakan satu peringatan yang tidak boleh dijadikan gurauan tetapi keutamaan pembinaan kekuatan akidah. Melihat kepada penggunaan kalimah syahadah pada sepuluh rangkap yang dihasilkan, Kemala membawa satu pemikiran tentang aspek akidah yang merujuk kepada ungkapan dua kalimah syahadah ini. Dalam rangkap puisi ini juga, Kemala menyatakan dan menggambarkan bahawa dua kalimah syahadah ini mampu membawa manusia menuju ke jalan yang benar dan sentiasa terpelihara dunia dan akhirat. Kalimah syahadah inilah yang menjadi titik permulaan seseorang manusia iaitu untuk mencari sebanyak mungkin keimanannya terhadap Allah SWT.

Pemikiran yang dibawakan ini bersesuaian dengan teori Takmilah pada prinsip pertama iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*. Prinsip ini dapat dilihat menerusi ungkapan kalimah syahadah yang digunakan oleh Kemala seperti dalam rangkap tersebut yang memperlihatkan pegangan umat Islam terhadap Allah SWT. Ini sekali gus menunjukkan sifat *Kamal* dan *Jamal* Allah SWT yang diterapkan melalui ungkapan ini yang mampu memperteguhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Ungkapan kalimah syahadah juga merupakan sempadan Tauhid yang menentukan seseorang itu beragama Islam dan membezakan dengan orang yang bukan Islam. Ini bertepatan dengan kenyataan yang diberikan oleh Imam al-Ghazali (1988: 281-282) yang menyatakan bahawa Tauhid mempunyai empat tingkat dan ungkapan kalimah syahadah adalah salah satu tingkat dalam tauhid. Hal ini membuktikan bahawa pemikiran tentang kalimah syahadah ini sangat bertepatan dengan prinsip yang pertama dalam teori Takmilah yang memperlihatkan falsafah Tauhid dan sifat Allah SWT yang *Kamal*.

Qada' dan Qadar Allah

Menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2008: 57), qadar ialah ketetapan yang ditentukan oleh Allah SWT pada makhluknya sejak azali. Manakala, qada' pula ialah pelaksanaan apa yang ditetapkan oleh Allah SWT sejak azali juga. Gandingan antara qada' dan qadar Allah SWT membawa maksud suatu ketetapan yang dilaksanakan Allah SWT kepada makhluknya sejak azali. Menurut Abdul Basit Abd. Rahman (2012) pula, qada' ialah sesuatu yang berlaku sebagaimana yang ditakdirkan Allah SWT ke atasnya. Manakala, qadar pula ialah takdir Allah SWT atas semua yang wujud, mengikut ilmu-Nya serta bertepatan dan selaras dengan hikmat-Nya.

Dalam *Kumpulan Puisi 'Ayn*, "Pesan" dikenal pasti menyentuh tentang pemikiran akidah dari aspek qada' dan qadar Allah SWT:

Kalau ombak tak menghempas
Akankah burung berhenti berkicau?
Kalau awan tak bergulung
Apakah angin kehilangan lagu?
Kalau gunung tak dipayungi langit kukuh
Apakah belantara terbakar sengsara?

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 61)

Kemala menyatakan tentang qada' dan qadar Allah SWT iaitu yang menyentuh aspek pahala dan dosa yang sudah ditentukan oleh Allah SWT. Hal ini memberi gambaran kepada

manusia bahawa sesiapa yang melakukan kebaikan akan mendapat pahala, manakala sesiapa yang melakukan kejahanan akan mendapat dosa. Selain itu, segala musibah dan bencana alam yang berlaku juga merupakan qada' dan qadar yang ditetapkan oleh Allah SWT. Segala ketentuan dan ujian ini perlulah dihadapi oleh manusia dengan tabah kerana Allah SWT tidak akan menguji umatnya melebihi kemampuan umatnya kerana Allah Maha Adil dan Maha Berkuasa. Begitulah qada' dan qadar yang ditentukan oleh-Nya. Hal ini menunjukkan kepada bahawa Allah SWT lebih berkuasa daripada segala-galanya.

Berdasarkan kepada rangkap puisi berkenaan, Kemala memenuhi prinsip pertama iaitu ketuhanan yang bersifat *Kamal*. Ia memperlihatkan sifat *Kamal* dan *Jamal* Allah SWT menerusi kekuasaan-Nya yang menurunkan segala musibah, ujian dan bencana kepada umat-Nya. Qada' dan qadar yang ditentukan ini mampu menguji tahap kesabaran seseorang manusia dalam perjalanan mengukuhkan ketakwaan kepada penciptanya. Justeru, pemikiran ini memperlihatkan kekuasaan dan kebesaran yang ada pada Allah SWT yang bersifat *Kamal* dan *Jamal* dan selari dengan prinsip pertama dalam teori Takmilah.

Beriman kepada Hari Akhirat

Manusia dilahirkan di dunia yang sementara yang mewajibkan ke atas mereka untuk memikul tugas sebagai khalifah Allah SWT dan melawan segala nafsu syaitan untuk menuju ke arah kehidupan yang lebih baik. Menurut Hamka (2003), mati ialah perpisahan di antara rohani dengan jasmani. Setelah manusia mati, mereka akan berada di alam kubur yang kemudiannya akan didatangi dua orang malaikat yang akan bersoal jawab dengan si mati tentang amalannya sewaktu di dunia. Dengan kematian, maka terjadilah hari Kiamat pada diri sendiri iaitu dikenali sebagai Kiamat Sughra sebelum berlakunya hari Kiamat yang sebenar-benarnya.

Berdasarkan kepada keterangan yang dipaparkan tersebut, dapat dirumuskan bahawa hari Kiamat merupakan hari yang paling dahsyat bagi seluruh umat manusia. Namun, bagi umat Islam yang tidak beriman kepada Allah SWT, mereka tidak akan mempercayai wujudnya hari Kiamat dan terus melakukan dosa. Dalam hal ini, berbeza dengan seseorang mukmin yang beriman. Mereka akan sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi hari Kiamat dengan mempersiapkan dirinya dengan amal soleh bagi meraih keredaan Allah SWT.

Pada hari Kiamat juga, segala perbuatan manusia di dunia akan dihitung. Manusia yang banyak melakukan dosa akan diseksa dalam api neraka manakala manusia yang baik dan beramal soleh untuk sentiasa meraih pahala daripada Allah SWT akan berada di syurga yang dijanjikan oleh Allah SWT. Dalam *Kumpulan Puisi 'Ayn*, pemikiran mengenai hari Akhirat dapat dilihat dalam contoh rangkap puisi "Pulau II" seperti berikut:

Bukan hanya indah
Bertaut di kalbu
Tafsiran mahal, tapi
Timbul menjadi makna
Detik yang kukumpul
Dalam degup bijaksana
Menetas di tubuh Ilmu

Segala-galanya kembali kepada-Mu.

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 24)

Kemala cuba menyampaikan satu pemikiran yang boleh dijadikan panduan dan mampu

menginsafkan pembaca. Kemala turut mengajak pembaca agar mencari jalan selamat dengan hari Akhirat. Jalan selamat yang dimaksudkan di sini ialah menyeru pembaca agar sentiasa bersiap sedia dengan tahap keimanan yang tinggi dengan meraih pahala daripada Allah SWT dengan cara melakukan apa yang disuruh dan menghindarkan diri dengan apa yang dilarang oleh Allah SWT.

Pemikiran yang disampaikan oleh Kemala ini bertepatan dengan prinsip yang pertama dalam teori Takmilah iaitu prinsip Ketuhanan yang bersifat *Kamal*. Pemikiran ini dikatakan selari dengan prinsip pertama dalam teori Takmilah kerana pemikiran ini memperlihatkan kebesaran Allah SWT ke atas makhluk ciptaan-Nya. Menerusi kepercayaan kepada hari Akhirat, manusia akan menyedari bahawa Allah SWT Maha Besar dan mengakui bahawa Allah SWT sahaja Yang Maha Berkuasa di atas muka bumi ini yang sekali gus menjelaskan tentang sifatnya yang *Kamal*. Justeru, dengan kepercayaan kepada hari Akhirat ini manusia akan sentiasa beriman kepada Allah SWT.

SYARIAT

Menurut Ismail Kamus dan Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid (2009), syariat ialah panduan hidup yang disediakan oleh Allah SWT. Mempelajarinya merupakan fardu ain (menjadi kewajipan ke atas semua orang – lelaki dan wanita). Syariat dalam Islam lebih berfokus kepada ibadat yang dilakukan oleh umat Islam. Menurut Haron Din (2010), ibadat adalah merupakan nilai Islam yang penting sekali kerana ia memainkan peranan yang berkesan untuk membina keperibadian dan memajukan masyarakat.

Menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2008) pula, ibadat menurut syarak ialah tunduk dan patuh yang penuh tulus serta taat yang mutlak hanya kepada Allah SWT. Ibadat merupakan satu tuntutan agama Islam yang mampu meneguhkan hubungan di antara tahap keimanan seseorang dengan amal yang dilakukan. Dalam agama Islam yang merupakan agama yang syumul dan agama yang dibenarkan oleh Allah SWT, ibadat menjadi satu rukun syarat agama Islam yang berdiri tegak atas kesedaran rasa dan akal seseorang manusia.

Solat

Solat merupakan tuntutan agama Islam yang perlu dipatuhi oleh semua umat yang beragama Islam. Solat diwajibkan ke atas seluruh umat yang beragama Islam. Hal ini selaras dengan kenyataan yang diberikan oleh Haron Din (2010) iaitu, Islam sebagai agama yang tulen menjadikan sembahyang satu daripada rukun Islam yang lima dengan diwajibkan ke atas penganutnya supaya mendirikan sembahyang lima waktu sehari semalam.

Menurut Ismail Kamus dan Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid (2009), solat merupakan sendi atau tiang agama. Sesuai dengan kedudukannya sebagai teras ibadat. Ia bermula dengan amalan berwuduk diikuti pula oleh jenis-jenis solat sama ada wajib ataupun sunat, solat berjemaah, solat Jumaat dan segala hal yang berkaitan dengannya. Menurut Abdul Basit Abd. Rahman (2012), solat dari segi syarak bermaksud perkataan dan perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbir dan berakhir dengan salam Solat hendaklah dilakukan dengan hati yang ikhlas bertujuan untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT. Ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang disebut dalam al-Quran bermaksud:

“Maka laksanakanlah solat kerana Tuhanmu, dan berkorbanlah (sebagai ibadah dan dekatkan diri kepada Allah).”

(Surah al-Kauthar: 2)

Ini bermakna, solat merupakan amalan yang sangat penting dan wajib dilaksanakan oleh umat Islam kerana solat merupakan amalan ibadat yang diwajibkan secara langsung terus daripada Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW semasa peristiwa Israk dan Mikraj. Solat memberi banyak kelebihan kepada seseorang Muslim terutamanya untuk menjadi benteng kepada pertahanan diri daripada melakukan kejahanan. Ini kerana, solat merupakan sumber kejayaan yang paling besar dalam mencapai tahap keimanan kepada Allah SWT. Pemikiran tentang solat ini turut ditemui dalam *Kumpulan Puisi ‘Ayn* menerusi puisi “Bilal Ibni Rabah” berikut:

Beralun-alun riak
undangan kudus
“Haiyya ‘alassolah
haiyya ‘alalfalah”
marilah menyembah Ilahi yang Esa
marilah menuju kemenangan

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 74)

Kemala yang beragama Islam dan berlatarbelakangkan pendidikan agama menyedari tentang hakikat yang digariskan dalam Islam ini. Justeru, berdasarkan contoh tersebut, Kemala memperlihatkan bahawa solat merupakan satu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh semua umat Islam. Hal ini menunjukkan bahawa solat perlu dilakukan kerana ia merupakan fardhu ain yang digariskan dalam Islam dan menunjukkan keindahan Islam sebagai agama yang diterima oleh Allah SWT. Seseorang manusia yang melakukan ibadah solat lima waktu sehari semalam berupaya mengenal Allah SWT dengan lebih dekat lagi. Selain itu, manusia juga turut dituntut untuk melakukan solat-solat sunat terutamanya pada malam hari untuk mendapatkan keredaan daripada Allah SWT dengan lebih banyak lagi dalam satu perjalanan menuju kepada peningkatan iman terhadap-Nya.

Pemikiran tentang solat ini bertepatan dengan teori Takmilah yang ketiga iaitu prinsip keislaman yang bersifat *Akmal*. *Akmal* Islam dapat dilihat dalam pelbagai aspek. Antara aspek tersebut ialah dari segi ibadat yang dilakukan oleh umat Islam. Ini kerana, *Akmal* Islam adalah bertunjangkan kepada falsafah Tauhid (konsep keimanan) yang memerlukan praktik amalan dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan mematuhi segala syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam ajaran Islam. Ini bersesuaian dengan aspek ibadat yang merupakan salah satu syariat yang digariskan dalam Islam yang menekankan kepada rohani dan jasmani seseorang manusia. Justeru, pemikiran tentang solat yang merupakan tunjang syariat dalam Islam amat bertepatan dalam memperlihatkan kesyumulan Islam yang bersifat *Akmal*.

Puasa

Puasa merupakan satu ibadah yang wajib dilakukan oleh semua umat yang beragama Islam. Puasa dilakukan pada bulan Ramadan iaitu selama sebulan. Menurut Basit Abd. Rahman (2012), puasa dari segi syarak ialah menahan diri daripada melakukan perkara-perkara tertentu pada waktu yang ditetapkan terhadap orang tertentu dengan syarat khas disertai dengan niat.

Manakala, menurut Haron Din (2010), puasa dari segi bahasa ialah menahan diri daripada sesuatu secara mutlak dan kepada orang yang menahan diri daripada bercakap dikatakan puasa juga. Maksud puasa dari segi syarak ialah menahan diri daripada

perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai daripada waktu fajar hingga kepada ghaib matahari seperti menahan diri daripada makan dan minum, berjimak dan sebagainya dengan syarat-syarat tertentu. Apabila datang bulan Ramadan, umat Islam perlu menahan diri daripada makan dan minum sejak fajar sampai ke petang (1975: 142). Dalam *Kumpulan Puisi ‘Ayn*, terdapat rangkap puisi yang menyentuh falsafah tentang puasa iaitu seperti:

Sudah kudengar desis angin lelah singgah di gunung
Waktu hadir senja-senja terakhir **Ramadan**
“Di benua jauh
Lahir lagi penyair
Mencintai Rabbi!”

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 49)

Kemala memperlihatkan pemikiran tentang puasa menerusi penggunaan diksi *Ramadan*. Puasa merupakan satu ibadah yang dijalankan pada bulan Ramadan. Seseorang yang melakukan ibadah puasa akan menginsafi segala kekurangan diri. Pada bulan Ramadan manusia akan menambahkan segala amal solehnya untuk meraih pahala. Selain itu, Kemala turut memperlihatkan malam *Lailatul Qadar* pada akhir bulan Ramadan iaitu malam turunnya al-Quran dan merupakan malam penting bagi umat Islam untuk meraih lebih banyak pahala daripada Allah SWT. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan ayat al-Quran, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan perbezaan (antara yang hak dan yang batil). Kerana itu, sesiapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu dan sesiapa sakit atau dalam perjalanan (lalu dia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkannya itu pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak mengkehendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjukNya yang diberikan kepadamu supaya kamu bersyukur.”

(Surah al-Baqarah:185)

Dilihat bahawa ibadah puasa fardu adalah pada bulan Ramadan dan hari Nuzul al-Quran merupakan satu malam dalam bulan Ramadan yang diturunkan al-Quran pada malam tersebut. Allah SWT turut memberi kemudahan kepada manusia dalam menjalani ibadah puasa ini supaya manusia sentiasa memanjatkan rasa syukur kepada-Nya. Pemikiran ini bersesuaian dengan prinsip ketiga dalam teori Takmilah iaitu prinsip keislaman yang bersifat *Akmal*. Ini dapat dilihat menerusi amal ibadah yang dilakukan iaitu puasa di bulan Ramadan yang merupakan syariat yang digariskan dalam Islam yang perlu diikuti oleh seluruh umat Islam. Ini menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang syumul yang mampu membawa manusia ke jalan yang benar. Oleh itu, pemikiran ini bertepatan dengan prinsip yang ketiga dalam teori Takmilah yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar.

Ibadah Haji

Ibadah haji juga merupakan satu tuntutan agama yang wajib dilakukan oleh seluruh umat Islam. Ia merupakan satu hukum yang wajib ke atas setiap Muslim yang cukup syarat-syaratnya dengan ketetapan yang wajib hanya untuk sekali dalam seumur hidup. Haron Din (2010)

menyatakan bahawa haji ialah mengqasadkan Baitullah al-Haram di Mekah untuk mengerjakan ibadat dengan syarat-syarat tertentu. Ibadah haji banyak ditekankan di dalam al-Quran, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian daripada syiar Allah. Maka sesiapa yang beribadah haji ke Baitullah atau mengerjakan umrah, maka tidak ada dosa baginya mengerjakan sa’i antara keduanya. Dan sesiapa yang mengerjakan suatu kebaikan dengan kerelaan hati, maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan, lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Baqarah: 158)

Bagi seseorang Muslim yang ingin menunaikan haji, mereka perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Islam. Antara syarat-syaratnya ialah Islam, baligh, berakal, merdeka dan berkuasa. Namun begitu, sesiapa yang tidak dapat menunaikan haji atas sebab-sebab yang tertentu, upah haji boleh dilakukan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa agama Islam merupakan sebuah agama yang sangat indah, mudah, lengkap dan syumul. Falsafah tentang haji turut terdapat dalam *Kumpulan Puisi ‘Ayn* yang bertajuk “Gurun Lahir”:

Al-Amin anak gembala bebiri, benarnya, tabahnya
Ia kebanggaan Mutalib
Makkah mengenalnya
Kaabah Ibrahim mengundangnya.
Hajarulaswad diadili
Bijaksana terpancar pada hemahnya
Cinta damai demi kasih berpadu
Dalam tingkah dan tindakan satu
Kembali kepada kebesaran Ilahi

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 66)

Kemala menyelitkan pemikiran tentang haji yang merupakan satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam. Namun, Kemala turut menyentuh tentang kewajipan yang perlu diutamakan dulu seperti membantu rakyat yang dalam kesusahan dan menangguhkan perjalanan untuk menunaikan haji ke Mekah. Ini sekali gus menunjukkan kepada pembaca bahawa agama Islam merupakan sebuah agama yang sangat indah dan menyeluruh yang tidak terdapat pada agama-agama lain. Hal ini bertepatan dengan teori Takmilah yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar yang terlihat pada prinsip ketiga iaitu prinsip keislaman yang bersifat Akmal dan prinsip keempat iaitu prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul.

Menunaikan haji merupakan rukun Islam dalam syariat yang digariskan dalam Islam. Syariat ini perlu diikuti oleh seluruh umat Islam berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditentukan. Dengan mengikuti amalan syariat ini, menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang syumul dan indah seperti yang dinyatakan dalam prinsip ketiga teori Takmilah. Bagi prinsip keempat pula iaitu prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul* dapat difahami apabila Kemala memperlihatkan disiplin ilmu sejarah dan keagamaan mengenai ibadah haji yang dilakukan di kota Mekah. Dengan penyisipan ilmu keagamaan tentang ibadah haji ini akan membawa khalayak pembaca mendapatkan pengetahuan baru dan membaca sifat karya yang indah sifatnya seperti rangkap puisi yang dihasilkan oleh Kemala ini.

Selawat ke atas Rasulullah SAW

Islam menganjurkan kepada semua umatnya supaya sentiasa mengucapkan selawat ke atas

junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Ini kerana, dengan cara mengucapkan selawat ke atas baginda, menunjukkan rasa hormat kepada Rasulullah SAW. Mengucapkan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW bukan sahaja dilafazkan ketika menunaikan solat fardu lima waktu, tetapi juga turut dianjurkan supaya melafazkan selawat ke atas junjungan pada setiap waktunya kelapangan yang ada terutama apabila terdengar nama baginda disebut dan digalakkan membalaunya dengan mengucapkan selawat untuk baginda. Ini dapat dibuktikan dalam rangkap puisi yang bertajuk “Hadiah”:

Terucap dari bibirnya
Suara lembut dan terharu
Al-Quran dengan butir-butir firman Ilahi
Cahaya abadi dari langit
Bukti kerasulan Muhammad
Allahummassalliala Muhammad
Allahummassallialaihiwassalim

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 88)

Kemala menyelitkan pemikiran tentang perbuatan berselawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Ini bermakna, mengucapkan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW amat digalakkan dalam Islam kerana Nabi Muhammad SAW merupakan penghulu bagi segala umat Islam dan baginda merupakan kekasih Allah SWT dan utusan daripada Allah SWT untuk membimbang manusia ke jalan yang benar. Dengan berselawat ke atas Rasulullah SAW, seseorang Muslim itu mampu meningkatkan tahap keimanannya kepada Allah SWT. Pemikiran ini amat bersesuaian dengan prinsip yang pertama dan prinsip kedua yang digariskan dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* dan prinsip kerasulan sebagai insan *al-Kamil*. Dengan berselawat, seseorang manusia itu akan menyedari tentang kedudukan Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah SWT melalui selawat yang dilafazkan. Hal ini berupaya membawa manusia untuk meningkatkan keimanan kepada Tuhan Penguasa Alam. Dengan berselawat juga, manusia akan sedar dan mengikuti segala amalan dan perbuatan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW untuk menjadi manusia yang sentiasa mendapat hidayah daripada Allah SWT sehingga mampu menjadikan manusia sebagai insan *al-Kamil* seperti yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW.

AKHLAK

Selain aspek akidah dan syariat, persoalan akhlak turut diutarakan dalam kumpulan puisi yang dikaji. Akhlak merupakan satu landasan bagi seseorang Mukmin untuk mencapai tahap keimanan yang sempurna. Akhlak yang baik mampu membawa manusia ke arah tahap keimanan yang tinggi, sebaliknya akhlak yang buruk mampu merosakkan akidah seseorang sehingga menjatuhkan tahap keimanan pada tahap yang paling rendah. Akhlak dalam Islam menyentuh tentang sifat-sifat yang murni yang patut ada pada diri seseorang Muslim.

Menurut H. Yunahar Ilyas (1999), akhlak dalam Islam dapat dibahagikan kepada beberapa ciri utama. Antara ciri-ciri tersebut ialah akhlak rabbani, akhlak manusiawi, akhlak universal, akhlak keseimbangan dan akhlak realistik. Akhlak rabbani merupakan jenis akhlak dalam Islam yang bersumberkan wahyu Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Secara ringkas, akhlak Rabbani merupakan satu akhlak yang memiliki nilai-nilai yang mutlak. Akhlak manusiawi pula merupakan jenis akhlak yang memenuhi tuntutan fitrah manusia manakala akhlak universal pula ialah akhlak dalam Islam yang sesuai dengan

kemanusiaan yang universal dan mencakupi segala aspek hidup manusia, baik yang dimensi vertikal maupun horizontal. Akhlak keseimbangan pula merupakan ajaran akhlak dalam Islam yang berada di tengah antara mengkhayalkan manusia seperti malaikat yang menitikberatkan kebaikannya dan yang mengkhayalkan manusia seperti haiwan yang menitikberatkan sifat keburukannya sahaja dan ciri yang terakhir iaitu akhlak realistik merupakan ajaran akhlak yang memerhatikan kenyataan hidup manusia.

Dapat disimpulkan bahawa akhlak merupakan satu nilai murni yang dapat dilihat menerusi tingkah laku dan segala perbuatan yang mencerminkan keperibadian yang baik dalam usaha meningkat keimanan yang tinggi kepada Allah SWT. Di bawah ini akan dijelaskan dengan rinci tentang pemikiran yang berkaitan dengan akhlak yang ditemui dalam *Kumpulan Puisi 'Ayn*.

Cinta dan Reda kepada Allah SWT

Menurut H. Yunahar Ilyas (1999), cinta adalah kesedaran diri, perasaan jiwa dan dorongan hati yang menyebabkan seseorang terpaut hatinya kepada apa yang dicintainya dengan penuh semangat dan rasa kasih sayang. Dalam hal ini, sudah diketahui umum bahawa cinta sememangnya hadir dalam setiap diri manusia. Namun, cinta pertama adalah kepada Allah SWT, kerana Dia yang menciptakan seluruh alam semesta dan seluruh isinya dan Dia jualah yang memelihara dan menjaganya. Hal ini dapat dibuktikan menerusi contoh petikan ayat al-Quran yang bermaksud:

“Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak menuju langit, lalu dijadikan-Nya tujuh langit. Dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.”

(Surah al-Baqarah: 29)

Pemikiran ini turut dimuatkan dalam *Kumpulan Puisi 'Ayn* yang bertajuk “Subuh di Masjid Sa’adah, Jakarta”:

Cuma genang air mata
Menatap rindu yang terpercik
Seperti binar
Cahaya marmar.

Kugulati umur dan ruang
Cinta yang kubawa dari jauh
Kini menetas di haribaan-Mu.

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012:14)

Cinta yang kekal selamanya hanyalah cinta kepada Allah SWT. Cinta kepada Allah SWT berupaya menjadikan seseorang manusia itu sentiasa bersyukur terhadap segala nikmat yang diberikan oleh-Nya. Cinta dan reda kepada Allah SWT juga mampu menjadikan tahap keimanan seseorang Muslim sentiasa meningkat. Ini kerana, cinta dan reda kepada Allah SWT tidak akan melalaikan seseorang manusia itu malah akan sentiasa mendorong manusia itu meraih sebanyak mungkin keredaan daripada Allah SWT. Sifat cinta dan reda kepada Allah SWT yang diperlihatkan oleh Kemala turut dijelaskan melalui rasa kagum manusia terhadap ciptaan Allah SWT.

Pemikiran ini bertepatan dengan prinsip pertama dan terakhir dalam teori Takmilah. Prinsip pertama ialah prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* dapat diperlihatkan menerusi sifat

cinta dan reda yang dimiliki oleh manusia yang mengagumi ciptaan Allah SWT dan ini sekali gus memperlihatkan sifat *Kamal* dan *Jamal* Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Mencipta. Selain itu, prinsip terakhir iaitu prinsip khalayak bagi memupuk mereka ke arah insan *al-Kamil* pula dapat dilihat apabila Kemala menyentuh tentang sifat cinta dan reda yang mampu memberi kesan kepada khalayak untuk terus beriman kepada Allah SWT sepermata peribadi yang dimiliki oleh insan *al-Kamil* kerana prinsip ini bermatlamat untuk membawa pengkarya ke arah menjadi insan *al-Kamil* supaya dapat berdakwah bagi menegakkan agama Islam.

Bersyukur kepada Allah SWT

Menurut Ab. Aziz Mohd. Zin dan Anisah Ab. Ghani (1994), perasaan gembira yang dilahirkan sewaktu mendapat kejayaan atau terlepas daripada malapetaka adalah syukur. Setiap individu Muslim dituntut supaya sentiasa mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Ini kerana, Allah SWT memberi pelbagai nikmat kepada manusia yang tidak terhitung banyaknya. Oleh itu, manusia seharusnya memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT dan seseorang yang tidak memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT, segala nikmat yang diberikan akan dikurangkan atau ditarik kembali. Menurut H. Yunahar Ilyas (1999), syukur ialah memuji si pemberi nikmat atas kebaikan yang dilakukannya.

Manusia yang bersyukur dapat dilihat menerusi lisan dan amalannya. Menerusi lisan, rasa syukur itu dipanjangkan menerusi puji-pujian kepada Allah SWT. Manakala, menerusi amalannya pula dapat dilihat apabila seseorang manusia itu menggunakan nikmat-nikmat Allah SWT dalam usaha untuk mentaati-Nya, maka mereka akan menggunakan segala yang diberikan ke arah yang baik dan bukan menggunakan nikmat yang diberikan dengan berbuat maksiat kepada-Nya. Pemikiran tentang rasa syukur turut dipaparkan dalam *Kumpulan Puisi ‘Ayn* yang dapat dilihat dalam rangkap puisi “Nenek”:

Dia merenung dalam diam, **syukur** dan nikmah
Waktu tiba lagi permintaan dari tiap penawar baru
Ini tusukan lebih pedih dari duri mengkuang
Alangkah dalamnya makna sebuah percintaan
Alangkah mahalnya harga sebuah perpisahan.

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 23)

Sifat syukur dimiliki menerusi sifat kesederhanaan seorang hamba. Selain itu, sifat syukur juga turut diperlihatkan menerusi watak nenek yang gembira dengan rezeki kurniaan Allah SWT yang diperolehnya. Ini menunjukkan bahawa rasa bersyukur itu merupakan satu amalan yang perlu ada dalam diri seseorang Muslim untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT serta mengagumi kebesaran-Nya.

Pemikiran ini bertepatan dengan prinsip pertama dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*. Ini kerana, *Kamal* Allah SWT tercermin melalui rezeki yang dikurniakan kepada seluruh umatnya. Allah SWT bersifat Maha Pemurah dan Maha Pemberi. Dialah yang memberikan rezeki dan nikmat kepada umatnya. *Kamal* dan *Jamal* Allah SWT juga akan terlihat apabila umatnya sentiasa bersyukur dengan segala nikmat yang diberikan oleh-Nya dan akan mengakui kebesaran, kekuasaan dan keagungan Allah SWT yang tidak dapat dinafikan lagi.

Taubat

Menurut H. Yunahar Ilyas (1999), taubat berakar daripada kata *taba* yang bererti kembali. Kembali yang dimaksudkan di sini ialah seperti orang yang kembali daripada sesuatu menuju sesuatu, kembali daripada sifat-sifat yang tercela menuju sifat-sifat yang terpuji, kembali daripada melakukan larangan Allah SWT menuju perintah-Nya, kembali daripada melakukan maksiat menuju taat, kembali daripada segala yang dibenci Allah menuju yang direndai-Nya, kembali daripada yang saling bertentangan menuju yang saling menyenangkan, kembali kepada Allah setelah meninggalkan-Nya dan kembali taat setelah menentang-Nya.

Apabila seseorang manusia melakukan dosa, mereka perlu segera bertaubat kerana dosa merupakan penghalang antara hubungan hamba dan Allah SWT. Manusia yang ingin bertaubat merupakan manusia yang disayangi Allah SWT dan jika niatnya ikhlas untuk bertaubat, maka taubatnya akan diterima oleh Allah SWT kerana Allah Maha Penerima Taubat. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan, firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan pohonlah keampunan kepada-Nya. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penerima taubat.”

(Surah al-Nasr: 3)

Bertaubat dengan kadar segera merupakan kewajipan yang tidak diragukan lagi kerana apabila seseorang Muslim menyedari akan perbuatan yang dilakukan adalah dosa, dia perlu segera bertaubat daripada mengelakkannya dia menambahkan dosa yang lebih besar lagi. Namun begitu, bagi seseorang yang ingin bertaubat kepada Allah SWT, dia perlu mempunyai niat yang ikhlas dengan hati yang suci bersih. Dengan adanya keikhlasan untuk bertaubat, akan dipermudahkan jalan baginya mendapat keampunan daripada Allah SWT. Pemikiran tentang taubat turut dipaparkan dalam *Kumpulan Puisi ‘Ayn* yang bertajuk “Akar”:

Pohon lahir dari akar yang bersatu, jauh dari takbur
Lapang dada, siratan akar, kecil, kurus, subur
Membeliti bumi atas izin Ilahi. Sang guntur
Membelah senja, dari kilat hayat ini cucur air dari langit
Sahabatku, puaskan dahagamu, bersyukurlah

Istirah selepas lelah dengan ibadah kerana-Nya

Ini tafakur akar menunjangi pohon.

Mutiara hikmah untuk manusia dari iktibar akar
Ini alam yang indah dari Yang Maha Indah
Malam telah larut sahabatku, selamat tidur

Di kamarnya, penyairku memetik masih kecapi tasbihnya.

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 46)

Kemala memperlihatkan kebaikan bertaubat dan apabila seseorang berbuat kesalahan di atas dunia, dia mestilah segera bertaubat dengan menuju jalan yang benar iaitu kembali beriman kepada Allah SWT. Allah SWT merupakan Tuhan Yang Maha Besar dan Maha Segala-galanya dengan bukti bahawa Dia sentiasa menerima dan membuka ruang kepada hamba-Nya yang ingin bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Sesungguhnya, bertaubat merupakan satu amalan yang perlu ada dalam diri setiap Muslim supaya menjadi seorang hamba Allah SWT yang sentiasa beriman kepada-Nya dan hanya mengharapkan ganjaran pahala serta meninggalkan segala dosa yang lalu.

Pemikiran ini bersesuaian dengan prinsip yang terakhir dalam teori Takmilah iaitu

prinsip sastera dan khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *al-Kamil*. Matlamat dan prinsip yang terakhir teori Takmilah bertujuan untuk memupuk khalayak pembaca ke arah pembentukan insan *al-Kamil* dengan mencontohi Rasulullah SAW. Karya Kemala ini sememangnya karya yang berunsur keislaman dari sudut implisit dan eksplisit. Karya ini membawa khalayak pembaca untuk terus berpegang kepada satu kepentingan Tauhid dan sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT. Ini kerana, menerusi dakwahnya dalam penulisan kreatif ini yang menyentuh tentang sifat taubat akan mampu membawa kesedaran dan panduan kepada khalayak pembaca untuk sentiasa mengingati mati. Sekali gus khalayak pembaca akan mencontohi teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW yang sentiasa bertaubat dan memohon ampun kepada Allah SWT walaupun baginda telah dijanjikan syurga oleh Allah SWT.

Takabbur

Menurut *Kamus Dewan Edisi Kedua* (1984), takabbur ialah perasaan besar diri yang menganggap diri sendiri lebih mulia dan angkuh. Dalam *Kumpulan Puisi ‘Ayn*, pemikiran tentang sifat takabbur diperlihatkan oleh Kemala menerusi contoh rangkap puisi yang bertajuk “Jakarta”:

Yang itu goda. Dan ini riak sebak nestapa.
Kenestapaan sebelum terkumbah di pintu dinihari
Sebelum jatuh subuh pencari. Kering meringkah
Kasih adam waktu tampil kerikil di depan nikmat
Sing pentafsir menandai malu lahir.

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 10)

Kemala mengajak khalayak pembaca supaya menghindari sifat takabbur kerana sifat ini sangat dibenci oleh Allah SWT. Sifat ini merupakan sifat yang sangat hina kerana Allah SWT tidak menyuruh hamba-Nya supaya berbangga-bangga dengan apa yang dimiliki dan bersikap angkuh dan sompong kerana semua yang dimiliki oleh manusia adalah sementara dan ia datang daripada Allah SWT. Orang yang bersikap takabbur merupakan sikap syaitan dan orang yang mengamalkan sikap ini tidak akan memperoleh keredaan daripada Allah SWT. Orang yang tidak beriman kepada Allah SWT akan mengamalkan sikap angkuh ini kerana orang yang tergolong dalam golongan ini tidak pernah bersyukur atas nikmat yang Allah SWT kurniakan kepada mereka.

Pemikiran ini amat bersesuaian dengan prinsip yang terakhir dalam teori Takmilah iaitu prinsip sastera dan khalayak yang bertujuan untuk memupuk mereka ke arah insan *al-Kamil*. Sesebuah karya sastera yang dihasilkan adalah untuk menyampaikan dakwah dan memberi panduan serta membawa khalayak pembaca supaya sentiasa beriman kepada Allah SWT iaitu dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dakwah yang dijalankan oleh Kemala bukan sahaja untuk mengajak manusia kepada agama Allah SWT tetapi tumpuannya juga kepada kepentingan dari aspek tatacara dan pendekatan yang digunakan untuk mempengaruhi manusia ke arah kebaikan. Hal ini dapat dilihat menerusi dakwah yang dilakukan oleh Kemala dalam rangkap puisi yang menyentuh tentang sikap mazmumah yang sangat dibenci oleh Allah SWT. Hal ini berupaya menghalang khalayak pembaca untuk menyemai sikap mazmumah dan berusaha untuk memperoleh sifat mahmudah demi mendekatkan dan meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.

Sabar

Dalam kehidupan yang semakin moden kini, banyak dugaan dan rintangan yang perlu ditempuhi oleh masyarakat pada masa kini. Hal ini demikian kerana, Allah SWT ada menegaskan di dalam al-Quran bahawa setiap manusia tidak akan terlepas daripada mendapat ujian dan dugaan hidup. Oleh itu, dalam menghadapi setiap ujian dan dugaan ini, manusia perlu mempunyai sifat sabar dalam diri kerana sifat ini sangat dituntut dalam Islam kerana ia mampu memperteguhkan tahap keimanan dalam diri seseorang manusia yang bertakwa. Hal ini bertepatan dengan pendapat Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2008), yang menyatakan bahawa “sabar adalah salah satu sifat mulia dan terpuji yang sewajarnya dimiliki oleh setiap individu Muslim bagi mencapai peringkat iman dan takwa yang tinggi di sisi Allah SWT.” Oleh itu, sifat sabar amat penting untuk dimiliki oleh semua individu Muslim agar dapat berperanan secara seimbang antara dimensi roh rohani dan dimensi nafsu binatang. Pemikiran tentang sifat sabar ini turut diutarakan oleh Kemala dalam *Kumpulan Puisi ‘Ayn menerusi puisi yang bertajuk “Surat Akhir Tahun 1977”*:

II
Bagaimana untuk melawan laut, kalau tak belajar
Dari pelayar? Bagaimana bisa menyeberangi
Gurun kalau tak belajar dari kafilah **tabah**?

(Ahmad Kamal Abdullah, 2012: 18)

Manusia yang dapat mengharungi segala ujian yang diberikan dan ditakdirkan oleh Allah SWT kepadanya tergolong dalam golongan orang yang sabar. Golongan ini merupakan golongan yang sangat dikasihi oleh Allah SWT. Kemala turut menggabungkan sifat sabar dengan takwa. Ini memberi pengertian bahawa dengan sifat sabar yang ada dalam diri seseorang Mukmin, maka tahap ketakwaannya kepada Allah SWT akan sentiasa meningkat. Hakikatnya, sifat sabar amat digalakkan dalam Islam kerana ia merupakan sifat yang sangat dikasihi dan dibenarkan oleh Allah SWT dalam menambah tahap keimanan dan ketakwaan seseorang Muslim kepada Penciptanya.

Dalam hal ini, pemikiran yang dibawakan oleh Kemala bertepatan dengan prinsip yang pertama dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*. Sifat *Kamal* dan *Jamal* Allah SWT tercermin pada makhluk ciptaan-Nya. Setiap ujian dan musibah yang diberikan oleh Allah SWT adalah untuk menguji tahap keimanan dalam diri seseorang manusia. Oleh itu, manusia yang tetap imannya akan sabar dengan ujian yang diberikan oleh Allah SWT. Sifat *Kamal* dan *Jamal* Allah SWT ini juga terlihat apabila Dia tidak menguji umatnya melebihi kemampuan yang ada pada umatnya. Dengan itu, manusia yang sabar dalam setiap dugaan yang diberikan akan menyedari tentang kebesaran Allah Yang Maha Berkua di alam ini.

PENUTUP

Berdasarkan kepada kajian, ditemui aspek pemikiran utama yang bertunjangkan kepada tiga aspek yang penting yang merujuk kepada pemikiran keagamaan yang difokuskan kepada agama Islam iaitu sebuah agama yang syumul berbanding agama-agama lain. Aspek utama tersebut ialah akidah, syariat yang difokuskan kepada ibadat dan akhlak.

Dari aspek akidah yang merupakan pegangan umat Islam yang menjadi tunjang kepada tahap keimanan dan ketakwaan manusia terhadap Allah SWT, terdapat beberapa pemikiran yang ditemui. Antaranya ialah ungkapan dua kalimah syahadah, wahyu Allah kepada umat-Nya iaitu

al-Quran, kepercayaan kepada nabi dan rasul, qada' dan qadar Allah SWT dan beriman kepada hari Akhirat. Pemikiran-pemikiran yang dilontarkan di bawah aspek akidah ini sangat berguna kepada khalayak pembaca untuk sama-sama menghayati dan menginsafi tentang kekuasaan, kebesaran dan keagungan Allah SWT.

Dari aspek syariat pula yang merupakan tuntutan yang digariskan dalam Islam dan perlu diikuti oleh umat Islam, beberapa pemikiran dilontarkan oleh Kemala. Antara pemikiran tersebut ialah tentang solat, puasa, menunaikan ibadah haji dan mengucap selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Aspek-aspek pemikiran yang terangkum dalam syariat ini berupaya membawa khalayak kepada kesedaran untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah SWT. Pemikiran akidah yang dibawa oleh Kemala yang menyentuh tentang keimanan manusia kepada Allah SWT sekali gus membawa khalayak pembaca kepada amalan-amalan yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari untuk menjamin tahap keimanan yang tinggi kepada Allah SWT.

Aspek akhlak Islam pula, Kemala menyalurkan pemikiran yang berkaitan dengan aspek-aspek mahmudah dan mazmumah. Antara pemikiran di bawah akhlak dari aspek akhlak mahmudah ialah seperti sifat cinta dan reda kepada Allah SWT, bersyukur, taubat, dan sabar. Manakala, pemikiran dari aspek akhlak mazmumah pula ialah seperti takabbur. Pemikiran ini berupaya membawa khalayak untuk membezakan akhlak yang baik dan akhlak yang buruk dan berupaya menghindarkan diri daripada memiliki sifat-sifat yang keji yang dibenci oleh Allah sebaliknya beramal dengan sifat-sifat yang disukai oleh Allah SWT.

Pemikiran yang dominan dalam kumpulan puisi ini ialah pemikiran dari aspek akidah dan akhlak. Oleh itu, hampir semua tema dan persoalan dalam kumpulan puisi yang dipilih meliputi pelbagai aspek akidah dan akhlak yang merangkumi rukun iman dan perkara-perkara yang menyentuh tentang ketauhidan kepada Allah SWT. Hal ini memperlihatkan kesedaran Kemala sebagai khalifah Allah SWT dalam membawa khalayak pembaca ke arah menjadi insan *al-Kamil* dan sentiasa bertakwa dan beriman kepada Allah SWT.

Justeru, kajian yang melibatkan aspek akidah, ibadat dan akhlak Islam yang terungkap dalam pemikiran Kemala ini berkait secara langsung dengan kehidupan masyarakat dan kemasyarakatan sebagai umat Islam yang perlu mengikuti segala syariat yang digariskan dalam menetapkan keimanan kepada Allah SWT dan mempraktikkannya dalam kehidupan dengan perilaku dan peribadi yang mahmudah.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd. Zin & Anisah Ab. Ghani. 1994. *Akhlaq Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Basit Abd. Rahman. 2012. *Keindahan Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1994. *Tesaurus Melayu moden*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abu'l-a'laa al-Mawdudiy. 1975. *Asas-asas Islam*. (Pentj.), H. O. K. Rahmat. Kota Bharu: Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan.
- Abu'l-a'laa al-Mawdudiy. 2013. *Towards understanding Islam*. (Pentj.), Khurshid Ahmad London: The Islamic Foundation.
- Al-Ghazali. 1967. *Ihya ulum al-Deen*. (Pentj.), Abu Hamid Muhammad. Kaherah: Muassasah al-Halabi.

- Ahmad Kamal Abdullah. 2011. *Kumpulan puisi ‘Ayn*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2008. *Apa itu Islam?* Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- H. Yunahar Ilyas. 1999. *Kuliah akhlaq*. Yogyakarta: Lembaga Pengkajian dan Pengamalan Islam.
- Haron Din. 2010. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Albana. 1981. *Aqidah Islamiyah*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hashim Awang. 1984. *Kesusasteraan Melayu dalam kritikan dan sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ismail Hamid. 1990. *Asas kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Kamus & Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid. 2009. *Indahnya hidup bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan* Edisi Kedua. 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naapie Mat. 1998. Struktur pemikiran dalam sajak penulis MPSI. *Dewan Sastera*, April.
- Mohd Nakhaie Hj. Ahmad. 2005. “Keteguhan beragama dan budaya teras kemajuan beracuan sendiri” *Seminar Kebangsaan Pemikiran Kebudayaan dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Jusoh. 1990. *Panduan ibadah*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam.
- Pt. Ichtiar Baru Van Hoeve. 2002. *Ensiklopedia tematis dunia Islam*. Jakarta: Perpustakaan Nasional.
- Ramli Awang. 2005. *Akidah penghayatan tauhid al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rasm Uthmani. 2010. *Terjemahan bahasa Melayu al-Qur'an al-Karim*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- S. Othman Kelantan. 1997. *Pemikiran satira dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salman Sulaiman. 2011. Alam sebagai sumber ilham berkarya. *Tunas Cipta*, Julai: 5-8.
- Shafie Abu Bakar. 1995. Kau dan aku: analisis Takmilah. *Dewan Sastera*, Januari: 37-40.
- Shafie Abu Bakar. 1996. Takmilah: teori, falsafah dan prinsip. *Dewan Sastera*, November: 25-33.
- Shaharudin Maaruf. 1994. “Nilai dan gaya pemikiran dalam sastera”, (peny.) Sahlan Mohd. Saman. *Pengarang, teks dan khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsudin Othman. 2010. “Unsur-unsur Islam dalam Kumpulan Puisi Nota Untuk Ibu” dalam *Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syekh Muhammad Jamaluddin. 2008. *Membentuk peribadi Mukmin*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.

Biodata penulis:

Nurul Hilwany Che Shaffine

Penulis merupakan Felo Penyelidik Siswazah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Beliau sedang mengikuti pengajian Master Sastera (Kesusasteraan Melayu) dalam bidang teori dan kritikan di universiti yang sama.